



Department of
Education

Shaping the future

Kod Tatakelakuan



Mesej daripada Ketua Pengarah

Pelajar merupakan teras kepada semua perkara yang kita lakukan.

Memikul amanah dalam pendidikan dan asuhan mereka bukan sahaja satu keistimewaan, malah merupakan satu tanggungjawab yang besar. Kita saling bekerjasama untuk membentuk masa hadapan pendidikan di Negeri ini. Setiap daripada kita memainkan peranan dalam membuka ruang kepada semua pelajar untuk melalui perjalanan yang penuh bermakna.

Bagi mencapai perkara ini, kita perlu berusaha untuk mencipta budaya dan persekitaran kerja yang membolehkan kita untuk memenuhi keperluan dan cita-cita para pelajar. Adalah penting bahawa semua keputusan dan tindakan kita merupakan cerminan kepada nilai dan tingkah laku kita.

Kod Tatakelakuan ini dihasilkan berdasarkan nilai-nilai bersama: **Integriti, Kesaksamaan, Pendapat, Kejujuran, Kerja Berpasukan, Peduli** dan **Pembelajaran**; serta tingkah laku di tempat kerja: **Keazaman, Terhubung, Prestasi Tinggi** dan **Kepimpinan Beretika**.


Nilai-nilai dan tingkah laku ini adalah teras kepada semua perkara dan setiap keputusan yang kita lakukan.

Kod ini memberikan set piawaian ('Standard') untuk dipatuhi kakitangan apabila membuat keputusan profesional dan juga peribadi. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu untuk memahami dan mematuhi Kod ini, Standard serta semua dasar dan tanggungjawab undang-undang yang berkaitan.

Para pengetua dan barisan pimpinan diharap dapat menggunakan Kod ini untuk membina integriti dan kebertanggungjawaban serta memacu budaya beretika dan berdasarkan nilai.



Lisa Rodgers
Ketua Pengarah



Penghargaan

Kami menghargai dan memberi penghormatan kepada penjaga tradisional tanah dan air di kawasan kediaman dan pendidikan para pelajar kami di seluruh Australia Barat.

Kami menghargai dan memahami bahawa Ketua, ibu bapa, keluarga, dan masyarakat adalah pendidik pertama bagi anak-anak mereka dan kami memperakui serta menghargai budaya dan kekuatan yang anak-anak orang asli Australia bawa ke dalam kelas. Orang asli Australia memiliki tradisi pendidikan dan pembelajaran yang panjang melalui perkongsian hubungan mereka dengan negara, masyarakat, bahasa dan budaya serta melalui sejarah, kisah-kisah dan pengalaman hidup secara lisan yang diwarisi dari generasi ke generasi.

Kami memperakui dan menghargai pembelajaran yang dibawa oleh anak-anak Orang Asli dari rumah dan masyarakat mereka ke dalam kelas.

Perkataan Orang Asli bermaksud Orang Asli Australia, Pribumi dan Penduduk Pulau Selat Torres serta Penduduk Asli Australian. Apabila merujuk kepada individu, gunakan istilah Orang Asli.

Kesedaran

Semasa bekerja untuk Jabatan, kita bersetuju untuk menerapkan nilai-nilai, mengamalkan tingkah laku dan mematuhi Standard Kod Tatakelakuan ini.

Selaku penjawat awam, adalah penting untuk memenuhi jangkaan masyarakat dan memastikan keyakinan orang ramai terhadap Jabatan.

Sebagai wakil Jabatan, termasuk semua kontraktor dan sukarelawan, kita mestilah memastikan kelakuan kita di luar waktu kerja turut mengekalkan integriti Jabatan dan tidak mengganggu kebolehan kita dalam menjalankan tugas.

Kod ini telah disediakan dan mesti dibaca bersama-sama dengan Arahan Pesuruhjaya No. 7 – Kod Etika.



Nilai-nilai Kami

Jabatan menggalakkan amalan beretika dan standard tatakelakuan dan tingkah laku yang wajar. Kami komited terhadap pengajaran, pembelajaran dan persekitaran kerja di mana semua individu dilayan dengan rasa hormat dan kemuliaan.

Tindakan kakitangan dipandu oleh nilai-nilai yang mencerminkan tanggungjawab sosial kepada para pelajar, ibu bapa dan penjaga, masyarakat, pihak berkepentingan serta antara satu sama lain.

Nilai-nilai ini seharusnya diungkapkan secara amali dalam operasi harian Jabatan.


Nilai-nilai Kami



Pembelajaran



Integriti



Kesaksamaan



Peduli



Pendapat



Kerja
Berpasukan



Kejujuran



Integriti

Kami percaya bahawa pendidikan yang baik adalah asas kepada semua perkara lain. Kami tidak mengambil ringan tanggungjawab ini, dan adalah satu kebanggaan untuk menjadi sebahagian daripada tanggungjawab ini.

Kami sentiasa bertindak demi kepentingan pelajar dan masyarakat.

Kami bertanggungjawab dan jujur serta mempunyai perinsip yang bermoral dan beretika.

Kesaksamaan

Kami memperakui perbezaan keadaan, keperluan dan aspirasi pelajar dan kakitangan.

Kami berusaha untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran dan kerja yang bebas daripada rasisme, diskriminasi, buli, penderaan atau eksplotasi.

Kami percaya bahawa terdapat pelbagai jalan menuju kejayaan dan tujuan kami adalah untuk membantu setiap anak-anak untuk mencari jalan kejayaan masing-masing.

Pendapat

Kami mendengar dengan teliti pendapat antara satu sama lain dan pendapat para pelajar, keluarga, masyarakat serta pihak kepentingan.

Kami menggalakkan ungkapan idea yang jujur dan bukan menghina serta kepelbagaian buah fikiran.

Kami memperkasakan suara kanak-kanak dan anak-anak muda untuk menjadi rakan kongsi dalam pendidikan mereka.

Kejujuran

Kami komited terhadap pembelajaran mengenai sejarah, pengalaman dan pandangan hidup Orang Asli yang penuh kepelbagaian.

Kami mencipta persekitaran pembelajaran dan kerja berbudaya yang selamat serta perkhidmatan berbudaya yang responsif, bebas rasisme dan diskriminasi.

Kerja Berpasukan

Kami menyokong, menggalakkan dan memberi inspirasi kepada satu sama lain serta menghargai sumbangan setiap individu.

Kami memperjuangkan kepercayaan dan keterangkuman.

Kami memperakui kepentingan kerjasama untuk membantu para pelajar memperoleh pencapaian terbaik.

Peduli

Kami mengamalkan sikap saling hormat-menghormati dan menerima tanggungjawab untuk membina dan mengekalkan hubungan yang sewajarnya.

Kami tekun dan bertimbang rasa.

Kami berusaha untuk memastikan diri sendiri, orang lain dan sumber kami adalah selamat.

Pembelajaran

Kami mempunyai pendekatan pembelajaran yang positif dan menggalakkan orang lain untuk menggunakan pendekatan yang sama.

Kami memajukan pembelajaran pelajar berdasarkan kepercayaan kami bahawa semua pelajar memiliki keupayaan untuk belajar.



Tingkah laku di tempat kerja

Keazaman

Kami meletakkan keperluan dan cita-cita setiap pelajar sebagai teras kepada keputusan dan tindakan kami.

Terhubung

Kami menghubungkan kepakaran kami untuk menyampaikan perkhidmatan yang responsif.

Prestasi Tinggi

Kami bekerja secara kolektif untuk menyiapkan seluruh kerja dan mencapai hasil yang terbaik.

Kepimpinan Beretika

Kami bersama-sama memegang tanggungjawab untuk mencipta solusi yang boleh memberikan perbezaan.

Standard Kami

Kod ini memberikan set piawaian sebagai panduan dalam tingkah laku sebagai kakitangan.

Piawaian ini direka untuk memberikan panduan apabila membuat keputusan profesional dan peribadi. Keputusan yang dibuat dalam konteks kehidupan peribadi boleh memberi kesan kepada kedudukan profesional kita.

Adalah tanggungjawab kita untuk memahami dan mematuhi Standard ini dan Standard ini harus dibaca bersama dengan semua undang-undang, dasar dan prosedur yang berkaitan. Tambahan lagi, kita perlu mengamalkan sikap adil, sama rata dan tepat pada masanya sewaktu membuat keputusan.

Berkelakuan secara profesional dan berintegriti

Kami jujur dan amanah dalam perhubungan kami serta menunjukkan kemuliaan dan integriti pada setiap masa, baik di tempat kerja maupun dalam kalangan masyarakat.

Cipta keselamatan budaya

Kami mencipta dan mengekalkan persekitaran kerja dan pembelajaran berbudaya yang selamat dan responsif.

Menerima kesaksasamaan, kepelbagai dan keterangkuman

Kami meraikan dan menerima individu dari semua latar belakang dan menghargai setiap seorang secara individu.

Menjaga keselamatan dan kesejahteraan

Kami menjaga keselamatan dan kesejahteraan diri sendiri, para pelajar, rakan sekerja dan pihak berkepentingan.

Memastikan rekod adalah tepat

Kami berdisiplin dalam merekod, mengurus dan memelihara maklumat.

Melindungi maklumat rasmi dan sulit

Kami mengakses dan menggunakan maklumat rasmi dan sulit hanya untuk tujuan yang dibenarkan.

Berkelakuan jujur

Kami jujur dan benar dalam tingkah laku kami dan kami mengambil tindakan segera terhadap perlaku penipuan dan rasuh.

Menggunakan sumber awam dengan bertanggungjawab

Kami menggunakan sumber-sumber Negeri secara bertanggungjawab.

Mengurus hadiah dan faedah

Kami mengamalkan integriti dan etika ketika menerima atau menawarkan hadiah serta faedah.

Mengisyihar dan mengurus konflik kepentingan

Kami memastikan bahawa kepentingan dan afiliasi peribadi atau persendirian kami tidak bertentangan, atau kelihatan bertentangan dengan tugas-tugas awam kami.

Merekut dengan adil

Kami mematuhi Standard Penggajian Pesuruhjaya Sektor Awam dan dasar-dasar, prosedur-prosedur serta panduan sumber manusia dalam Jabatan.

Membuat pembelian yang berhemah

Kami mengendalikan aktiviti pembelian yang beretika, jujur dan adil serta mengurus kontrak dengan sewajarnya.



Memahami salah laku

Selaku kakitangan, kita mesti mematuhi Kod Tatakelakuan Jabatan dan memberi perhatian kepada Standard yang ditetapkan.

Kegagalan dalam mengamalkan tingkah laku yang sewajarnya boleh memburukkan nama Jabatan, mempengaruhi kredibiliti kakitangan di tempat kerja atau dalam masyarakat, dan mempunyai kesan yang merugikan terhadap keselamatan dan kesejahteraan rakan sekerja serta para pelajar dalam jagaan kita.

Kakitangan yang tidak memenuhi jangkaan ini, boleh menyalahi Kod ini dan boleh dikenakan tindakan serta menjalani proses disiplin formal, hingga dan termasuk diberhentikan daripada perkhidmatan.

Dalam keadaaan tertentu, pelanggaran terhadap Kod Tatakelakuan juga boleh membangkitkan keimbangan bahawa terdapat kemungkinan telah berlakunya kesalahan jenayah yang serius.

Melaporkan kelakuan kakitangan yang tidak memenuhi Standard

Kita semua perlu bersuara apabila melihat atau mendengar terdapat tingkah laku yang tidak wajar, tidak profesional atau yang menyalahi undang-undang. Tindakan yang perlu kita ambil mungkin berbeza bergantung pada jenis dan tahap kelakuan yang telah disaksikan atau yang telah dialami. Walau apapun terjadi, yang penting adalah kita mesti **bersuara**.

Jika anda tidak pasti jenis tindakan yang perlu diambil, atau anda berasa tidak mampu untuk mengendalikan pertelingkahan atau konflik dengan cara yang profesional dan seawal mungkin serta secara langsung dengan individu yang berkenaan, anda harus membincangkan perkara tersebut dengan pengetua atau barisan pimpinan anda, tanpa perlu bimbang mengenai kesan terhadap reputasi atau balasan yang mungkin diterima.

Jika perkara ini tidak dalpat dilaksanakan untuk situasi anda, laporan perlu dibuat kepada pihak atasan, atau sekiranya perkara tersebut juga tidak dapat dilakukan, laporan boleh dibuat terus kepada pihak Standard dan Integriti.

Kakitangan yang memerlukan maklumat lanjut mengenai Standard dan dasar-dasar yang menyokongnya serta akses ke latihan Membuat Keputusan yang Beretika dan Bertanggungjawab boleh merujuk pada [Ikon](#).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bimbingan lanjut mengenai mana-mana aspek [Kod Tatakelakuan dan Standard](#), sila hubungi:

Professional Standards and Conduct

Department of Education
Level 2, 151 Royal Street
East Perth WA 6004
9264 4740
codeofconduct@education.wa.edu.au

Talian Nasihat

1800 655 985

Talian Laporan Kolej Kediaman

1800 011 114



Rujukan TRIM: D21/0297195
SCIS: 5357025

© Jabatan Pendidikan
Australia Barat 2021

Department of Education
151 Royal Street
East Perth WA 6004
9264 4111
education.wa.edu.au

Bahan ini tersedia dalam format alternatif yang bersesuaian mengikut permintaan.

